

Kosmo
28/11/16
MIS 11UNIT RUJUKAN DAN DOKUMEN
DITERIMA
28 NOV 2016
U.R.D.
M.B.P.A.

Mesej tegas mahkamah untuk keadilan semua

VIDEO berdurasi dua minit 20 saat yang memaparkan sepasang suami isteri bertindak mengasari seorang anggota penguat kuasa Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) yang sedang menjalankan tugas di kawasan tempat letak kereta di Bukit Rahmah Putra, Sungai Buloh mencetuskan kemarahan orang ramai.

Rakaman yang telah menjadi viral di laman sosial Facebook dan YouTube sejak Khamis lalu itu memaparkan tindakan seorang wanita yang tidak berpuas hati kerana keretanya disaman telah menarik belakang baju seorang penguat kuasa.

Tidak terhad di situ, suami wanita itu pula menggunakan tubuhnya menghimpit dengan tujuan kononnya mahu mengambil gambar penjawat awam itu menggunakan telefon bimbitnya.

Rata-rata netizen mengancam tindakan pasangan berkenaan selain menyifatkan ia sebagai perbuatan yang kurang ajar, biadab dan keterlaluan terhadap penjawat awam wanita itu.

Salah seorang netizen di Facebook menyatakan bahawa perbuatan pasangan itu adalah sangat biadab dan kurang ajar kerana ia mengganggu penjawat awam menjalankan tugas serta memohon pihak berkuasa mengambil tindakan tegas.

Seorang netizen yang dikenali Cak Lempik pula mahu perbuatan tersebut ditangani dengan segera supaya ia tidak menjadi satu budaya di negara ini.

Mengikut pertuduhan, pasangan itu telah menggunakan kekerasan jenayah kepada penguat kuasa MBSA dengan niat menakutkan penjawat awam itu daripada menjalankan kewajibannya yang sah di sisi undang-undang.

Akibat daripada tindakan mereka, pasangan tersebut dijatuhi hukuman penjara 14 hari dan denda RM3,000



lau Pinang selepas mengaku bersalah atas pertuduhan menghalang tugas penjawat awam apabila dia enggan menyerahkan kad pengenalannya.

Penulis percaya kesemua mereka yang terlibat dalam kes yang dinyatakan telah mendapat pengajaran akibat perbuatan tersebut kerana peribahasa ada mengingatkan, terlajak perahu boleh diundur, terlajak perbuatan buruk padahnya.

Malah, laporan media yang meluas berhubung hukuman terhadap pelaku yang mengasari mahupun menghalang tugas penjawat awam juga memberi iktibar dan pengajaran secukupnya kepada semua orang di negara ini.

Bagaimanapun, insiden tersebut sedikit pun tidak akan melemahkan komitmen dan semangat kerja pihak berkuasa tempatan (PBT) terutamanya MBSA dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada orang ramai.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA, Shahrin Ahmad berkata, insiden tersebut merupakan cabaran yang perlu ditempuhi penguat kuasa semasa melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang.

“Kes ini tidak akan melemahkan komitmen dan semangat warga kerja MBSA untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebaiknya. Insiden itu sebaliknya menjadikan warga MBSA lebih tabah, berdedikasi dan cekap semasa menjalankan tugas.

“Pihak MBSA merupakan PBT yang sentiasa mengamalkan dan berpegang teguh kepada konsep integriti, amanah, telus serta sentiasa berusaha untuk memberikan perkhidmatan

yang cekap dan efisien kepada orang ramai,” jelasnya.

Apa yang perlu difahami, seseorang penjawat awam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka seperti yang diamanahkan mengikut undang-undang yang telah diperuntukkan. Sejujurnya kita sebagai masyarakat perlu menghormati tugas mereka dan jangan bertindak mengikut emosi.

Sementara itu, aktivis masyarakat, Tan Sri Lee Lam Thye ketika diminta mengulas mengenai insiden tersebut menyifatkan tindakan pasangan suami isteri yang bertindak kasar terhadap penguat kuasa yang hanya menjalankan tanggungjawabnya adalah keterlaluan dan tidak boleh dipandang ringan.

Sehubungan itu katanya, tindakan pihak berkuasa yang bertindak cepat dengan membawa pelaku ke muka pengadilan adalah tepat dan berpatutan selain hukuman yang dijatuhkan adil kepada semua pihak.

“Tindakan membawa kes ini ke mahkamah adalah tepat supaya pelaku tersebut mendapat pengajaran selain memastikan perbuatan tersebut tidak berulang pada masa depan.

“Jika tiada tindakan, ia seolah-olah memberi mesej kepada orang ramai bahawa mereka tidak perlu menghormati undang-undang dan penguat kuasa yang menjalankan tanggungjawab mereka berdasarkan undang-undang yang diperuntukkan.

“Maka dengan itu nanti akan lebih ramai orang yang asyik beremosi dan bertindak di luar jangka sehingga mengundang masalah lain,” ujarnya.

Lam Thye dalam pada itu turut menasihatkan orang ramai supaya menghormati undang-undang pada setiap masa dan sekiranya merasakan sesuatu perkara itu tidak adil, terdapat banyak saluran aduan yang boleh diambil bagi menyuarakan rasa tidak puas hati.

“Penguat kuasa hanya menjalankan tugas mereka, seharusnya insiden ini menjadi pengajaran kepada semua supaya menghormati undang-undang negara dan tidak memperlekehkannya,” jelas beliau.

“MBSA merupakan PBT yang sentiasa mengamalkan dan berpegang teguh kepada konsep integriti, amanah dan telus

selepas mengaku bersalah akibat perbuatan itu.

Insiden seumpama itu bukan kali pertama berlaku di negara ini apabila pada 13 September lalu, seorang tukang masak dijatuhi hukuman penjara lima bulan selepas mengaku bersalah menghalang penjawat awam menjalankan tugas.

Nur Haslinda Abdullah, 29, dituduh menghalang penjawat awam iaitu pegawai kanan polis, Superintendan M. Kumar menjalankan tugasnya di Kilometer 12 Jalan Tebrau menghala ke Kota Tinggi pada 4.30 petang, 9 September lalu.

Pada 17 Oktober lalu, seorang lelaki berusia 66 tahun didenda RM100 oleh Mahkamah Majistret Jawi, Pu-